



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



BATU SEREMBAN BERPASUKAN

1. PENGANJURAN & PENGELOLAAN

1.1. Kejohanan ini dianjurkan dan dikelolakan bersama oleh Kelab Sukan dan Kebajikan Veterinar (KESUVET) Ibu Pejabat (DVS) dan Kelab Sukan dan Kebajikan Veterinar (KSKV) Negeri Perak

2. PENSYARATAN

2.1. Bilangan pemain: **lima (5)** orang pemain wanita sepasukan dengan **seorang (1)** pemain simpanan wanita serta **seorang (1) orang** pengurus/jurulatih.

2.2. Alatan : Lima (5) uncang berukuran (3cm persegi)

2.3. Gelanggang : Permukaan rata dan licin

3. UNDANG-UNDANG PERTANDINGAN

3.1. Setiap kontinjen hendaklah mendaftarkan **TIDAK LEBIH** daripada **enam (6)** orang pemain wanita termasuk **seorang (1)** simpanan dan **seorang (1)** orang pengurus/jurulatih.

3.2. Pendaftaran nama-nama pemain, pengurus/jurulatih hendaklah dilakukan dengan menggunakan borang pendaftaran yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola.

3.3. Hanya pemain-pemain berdaftar sahaja dibenarkan untuk mengambil bahagian. Jika didapati pemain yang mengambil bahagian adalah pemain yang tidak berdaftar atau tidak mematuhi peraturan kelayakan pemain sepertimana yang ditetapkan, penyertaan pasukan tersebut dalam acara ini akan terbatal secara automatik dan semua perlawanan sebelumnya yang telah disertai oleh pasukan tersebut dianggap tidak sah. Jika menang, kemenangan percuma akan diberikan kepada pasukan lawan.

3.4. Kelayakan pemain (peserta) adalah seperti dalam **Peraturan Am Perkara 11**.

3.5. Pemain-pemain yang sedang bermain dilarang meninggalkan permainan tanpa izin daripada pegadil perlawanan.

3.6. Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan berhak meminta kad pengenalan bagi tujuan pengesahan/pemeriksaan kesahihan pemain pada bila-bila yang difikirkan perlu.

3.7. Dalam keadaan tertentu dimana tidak dinyatakan dalam undang-undang kejohanan ini terdapat sebarang kekeliruan dan masalah, maka keputusan daripada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan adalah dikira **MUKTAMAD**.

4. PERATURAN DAN CARA PERTANDINGAN

4.1. Peraturan:

4.1.1. Pada masa mengambil cakak, pemain tidak boleh menyentuh mana-mana cakak yang lain.

4.1.2. Pemain hendaklah menyambut cakak yang dilambung sebelum cakak jatuh ke bumi.

4.1.3. Tiap kali satu-satu tahap, semua cakak dikumpulkan dan diserakkan untuk peringkat yang lain.

4.1.4. Pemain lain akan mengambil gilirannya apabila sesuatu kesilapan/kesalahan



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



BATU SEREMBAN BERPASUKAN

telah dilakukan oleh pemain yang terdahulu.

4.1.5. Sekiranya pemain dapat menghabiskan permainan sehingga buah timbang, pemain boleh meneruskan satu tahap permainan lagi.

4.1.6. Dalam nagam selepas itu, seorang pemain menyambung permainannya di peringkat dia telah melakukan kesilapan. Setiap pemain mesti memulakan dengan Buah Satu.

4.1.7. Permainan adalah dalam **tiga (3) nagam**

5. CARA:

5.1. **TAHAP SATU (BUAH SATU)**

5.1.1. Serakkan cakak dilantai, ambil satu (1) cakak dan lambung.

5.1.2. Sebelum cakak yang dilambung jatuh ke bumi, pungut satu (1) cakak di bumi dan terus sambut cakak yang dilambung tadi dengan tangan yang sama.

5.1.3. Letakkan ke tangan kiri. Ulang semula hingga habis cakak di bumi, dan

5.1.4. Dengan sekali lambung masukkan buah yang terkumpul di tangan kiri ke tangan kanan.

5.2. **TAHAP DUA (BUAH DUA)**

5.2.1. Sama Seperti Tahap Satu, Cuma

5.2.2. Cuma Pungut Dua (2) Cakak Setiap Kali Dilambung

5.3. **TAHAP TIGA (BUAH TIGA)**

5.3.1. Sama seperti tahap satu dan dua, bezanya

5.3.2. sekali lambung pungut satu, dan

5.3.3. lambung kedua pungut tiga.

5.4. **TAHAP EMPAT (BUAH EMPAT)**

5.4.1. Sama seperti tahap satu, dua dan tiga, bezanya

5.4.2. Pungut keempat-empat buah dengan sekali lambung.

5.5. **TAHAP LIMA (BUAH LIMA)**

5.5.1. Serakkan biasa.

5.5.2. Ambil tiga (3) cakak ditangan kanan dan dua (2) cakak ditangan kiri.

5.5.3. Lambung satu (1) cakak yang ada di tangan kanan, sambil meletakkan ke bumi cakak-cakak yang ada di kedua-dua tangan dan segera sambut cakak yang dilambung.

5.5.4. Sekali lagi lambung dan terus pungut semula cakak di bumi dengan kedua-dua tangan (dua (2) cakak di tangan kiri dan dua (2) cakak di tangan kanan). Sambut buah yang dilambung.

5.5.5. Dan sekali lambung kumpulkan/pindahkan semua cakak ke tangan kanan.

5.6. **TAHAP ENAM (BUAH SENTUH)**

5.6.1. Seperti buah satu, Cuma

5.6.2. Sentuh sahaja setiap cakak di bumi, dan

5.6.3. Dengan sekali lambung pungut kesemua cakak yang telah disentuh

5.7. **TAHAP TUJUH (BUAH PUNGUT)**

5.7.1. Sama seperti buah enam, Cuma

5.7.2. setiap kali lambung, pungut satu (1) cakak dan masukkan ke tangan kiri hingga habis cakak di bumi, dan

5.7.3. Dengan sekali lambung kumpulkan cakak ke tangan kanan semula



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



BATU SEREMBAN BERPASUKAN

5.8. TAHAP LAPAN (BUAH TUKAR)

- 5.8.1. Serakkan cakak
- 5.8.2. ambil satu dan lambung, pungut satu cakak.
- 5.8.3. Sekali lagi lambung sambil menukar cakak di tangan dengan satu cakak di bumi.
- 5.8.4. Ulang sehingga kesemua cakak ditukar.
- 5.8.5. Akhir sekali, sambil lambung letakkan cakak di tangan ke bumi, dan
- 5.8.6. Dengan sekali lambung pungut kesemua cakak

5.9. TAHAP SEMBILAN (BUAH LAMBUNG)

- 5.9.1. Sama seperti buah tukar, bezanya
- 5.9.2. Kedua-dua cakak dilambung dan segera tangan kiri menyambut satu (1) cakak daripada dua (2) cakak tersebut, dan
- 5.9.3. Tangan kanan pungut satu (1) cakak di bumi, dan
- 5.9.4. Segera sambut satu (1) lagi cakak yang dilambung tadi.
- 5.9.5. Ulang pergerakkan itu sehingga habis cakak di bumi
- 5.9.6. Akhirnya, dengan sekali lambung kumpulkan semua cakak ke tangan kanan.

5.10. TAHAP SEPULUH (BUAH TIMBANG)

- 5.11. Untuk menentukan mata/point.
- 5.12. timbang cakak ke belakang tapak tangan, sekiranya
- 5.13. Dapat lima (5), dan disambut semula ke dalam tapak tangan dengan lima (5) juga dan mata dikira lima (5).

6.0 PENENTUAN KEMENANGAN & PEMBERIAN MATA

- 6.1 Pasukan yang memungut mata terbanyak
- 6.2 Pihak lawan dibuang gelanggang.
- 6.3 Jika seri, buat tiga (3) kali buah timbang. Jika seri lagi, tambah tiga (3) kali buat timbang. Jika masih seri, dijalankan undian.
- 6.4 Pemberian Mata Berpasukan adalah seperti berikut:

6.4.1 **Menang** - **3 mata**

6.4.2 **Kalah** - **0 mata**

7.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 7.1 Pertandingan akan dijalankan secara liga dan kalah singkir.
- 7.2 Semua pasukan yang mengambil bahagian akan dibahagikan dalam beberapa kumpulan melalui undian. **Rujuk Peraturan Am Perkara 15.7**
- 7.3 Dua pasukan teratas (Juara & Naib Juara kumpulan) dari setiap kumpulan akan layak bertanding di peringkat Suku Akhir (sekiranya 4 kumpulan) atau Separuh Akhir (sekiranya 2 kumpulan).

8.0 HUKUMAN DAN LARANGAN

8.1 MATI :

- 8.1.1 Jika pemain tidak dapat menyambut cakak yang dilambung.
- 8.1.2 ketika memungut cakak di bumi, tersentuh cakak lain atau cakak-cakak yang berhimpit bergerak
- 8.1.3 Pada Tahap Sepuluh (Buah Timbang), jumlah cakak tidak sama ketika



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



BATU SEREMBAN BERPASUKAN

ditimbang semula ke dalam tapak tangan

8.1.4 pemain terlupa tahap dia berada ketika menyambung semula permainan.

8.1.5 Pemain tidak dibenarkan bergerak dari tempat duduk alas/mengesot/mengangkat/ menganjak punggung selepas cagak diserakkan semasa setiap tahap.

8.1.5.1 Amaran lisan

8.1.5.2 Diberi kad amaran (kuning, hijau, merah)

8.2 BUANG GELANGGANG

8.2.1 Mana-mana pemain yang dikira **tiga (3)** kali berbuat tidak sopan.

8.2.2 Mana-mana pemain yang berbuat bukan dalam permainan.

Catitan:

- Dalam Teks Ini, Permainan Menggunakan Tangan Kanan. Jika Pemain Yang Menggunakan Tangan Kiri, Semua Perkataan Kanan Menjadi Kiri Dan Sebaliknya.
- Kelek Anak, Dogang Anak, Kemam Tangan Adalah Diboletkan.
- Amaran Lisan

9.0 WAKTU BERMULA SESUATU PERLAWANAN

9.1 Waktu bermula sesuatu perlawanan adalah seperti yang tercatat di dalam jadual pertandingan rasmi dan hanya boleh dipinda dengan kelulusan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan atau Jawatankuasa Pengelola.

10.0 PENGADIL

10.1 Jawatankuasa Pengelola akan melantik para pegadil / Pegawai Pertandingan yang berkelayakan setelah berunding dengan Pegawai Teknikal yang bertauliah dan tertakluk kepada Peraturan Am.

10.2 Laporan perlawanan akan dibuat oleh pengadil di dalam borang yang disediakan selepas perlawanan dijalankan dan diserahkan kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan.

11.0 DISIPLIN PASUKAN

11.1 Setiap pengurus pasukan dan jurulatih adalah bertanggungjawab menjaga disiplin para pemain. Sekiranya terdapat sebarang salah laku atau pelanggaran disiplin yang menyebabkan kelancaran perlawanan terganggu, tindakan tatatertib akan dikenakan kepada pasukan tersebut berbanding kepada laporan pegawai perlawanan dan pengadil perlawanan.

11.2 Lain-lain adalah sebagaimana terkandung didalam Peraturan Am.

12.0 PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIHENTIKAN / MENARIK DIRI / MENYERAH KALAH / MEMBERI KEMENANGAN PERCUMA

12.1 Sebagaimana terkandung didalam Peraturan Am Perkara 18.



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



BATU SEREMBAN BERPASUKAN

13.0 JAWATANKUASA TATATERTIB / JURI RAYUAN

13.1 Sila rujuk Peraturan Am Perkara 22, Perkara 23 dan Perkara 24

14.0 JADUAL PERLAWANAN

14.1 Jawatankuasa Pengelola akan menetapkan jadual perlawanan mana-mana pasukan tidak dibenarkan meminda mana-mana jadual perlawanan.

15.0 UPACARA PENYAMPAIAN HADIAH

15.1 Sila rujuk **Peraturan Tetap Perkara 12.**

16.0 PEGAWAI YANG DIHUBUNGI

Nama	:	Mdm. Vasuge
Jawatan	:	Pengurus Pertandingan Batu Seremban
No. H/P	:	
emel	:	

Nama	:	
Jawatan	:	Timbalan Pengurus Pertandingan Batu Seremban
No. H/P	:	
emel	:	

Nama	:	
Jawatan	:	Setiausaha Pertandingan Batu Seremban
No. H/P	:	
emel	:	